**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN**
**WILAYAH PERSEKUTUAN**
Aras G - 6, Rumah Persekutuan
Jalan Sultan Hishamuddin
50678 KUALA LUMPUR
MALAYSIA.

Tel. : 03-2610 3300
Faks : 03-2610 3499
Portal Rasmi : www.ptgwp.gov.my

Rujukan Tuan:
Rujukan Kami: PTG/WP16/134 ( 99 )
Tarikh : 28 Februari 2022

**Badan Peguam Malaysia**,
No. 13, 15 & 17,
Leboh Pasar Besar,
50050 Kuala Lumpur

**Jawatankuasa Peguam Kuala Lumpur**,
4th Floor,
Wisma Hangsam,
No. 1, Jalan Hang Lekir,
50000 Kuala Lumpur

**Jawatankuasa Peguam Selangor**
No. 41, Jalan Bola Jaring 13/15,
Seksyen 13,
40100 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan

YBhg. Datuk/Tuan/Puan,

**MAKLUMAN BERKENAAN PENUTUPAN PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR PADA 04 MAC 2022 (JUMAAT)**

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (PPTGWPKL) akan melaksanakan ujian pengesanan Covid-19 pada 03 Mac 2022 (Khamis) kepada semua kakitangan Pejabat ini. Sehubungan dengan itu, pengoperasian pada 03 Mac 2022 (Khamis) adalah terhad dan tertakluk kepada keputusan ujian pengesanan yang akan dijalankan.

3. Seterusnya, PPTGWPKL ini akan menutup pengoperasiannya kepada orang awam pada 04 Mac 2022 (Jumaat) bagi membolehkan kerja-kerja sanitasi dilaksanakan secara keseluruhan terutama di kawasan ruangan awam dan ruangan kerja kakitangan. Justeru itu, semua firma guaman atau wakil adalah dinasihatkan untuk merancang dan melaksanakan urusan-urusan berkaitan sebelum tarikh tersebut. PPTGWPKL akan dibuka semula pengoperasiannya pada Isnin, 07 Mac 2022.

Rujukan Kami: PTG/WP16/134 ( 99 )

4. Adalah diingatkan firma-firma guaman atau wakil adalah dikehendaki untuk sentiasa mematuhi tatacara dan prosedur SOP yang telah ditetapkan oleh MKN dan KKM sepanjang tempoh berurusan di premis PPTGWPKL. Di atas kerjasama pihak YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan untuk memanjangkan pemakluman-pemakluman seperti di perenggan 2 dan 3 di atas kepada semua firma guaman adalah amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

**"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"**
**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

**KHAIRUL-AZAM BIN SARONI**
b.p.: Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan
☎ : 03-26103402
✉ : kazam@ptgwp.gov.my